



15 FEB, 2025

## Gas bocor dipercayai punca letupan

Sinar Harian, Malaysia



# Gas bocor dipercayai punca letupan

Tidak sebabkan kebakaran pada struktur bangunan Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI  
PORT DICKSON

**K**ebocoran gas pada saluran paip HRSG/PD2A di Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar, di sini dipercayai menjadi punca letupan yang berlaku pada Khamis.

Komander Operasi Kanan dari Balai Bomba dan Penyelamat Port Dickson, Penolong Kanan Penguasa Bomba, Mohd Kamal Mohd Timar berkata, letupan pada jam 9.09 malam itu bagaimanapun tidak menyebabkan kebakaran pada struktur bangunan dan tiada mangsa terlibat.

"Siasatan lanjut masih dilakukan dan bacaan O2 atau oksigen di luar bangunan didapati dalam keadaan terkawal dan normal,"



Letupan berlaku di Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar pada Khamis namun tidak menyebabkan kebakaran pada struktur bangunan.

katanya pada Jumaat.

Sementara itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi kenyataan di Facebook TNB CareLine memaklumkan, kebakaran telah dipadamkan dan setakat Khamis malam, tiada sebarang kecederaan kepada warga kerjanya mahupun orang awam.

Katanya, TNB sedang bekerjasama dengan bomba untuk

meneruskan siasatan dan langkah kawalan keselamatan telah diambil.

"Pasukan teknikal sedang menjalankan kerja-kerja permeriksaan serta pemulihan yang diperlukan.

"Secara keseluruhan operasi stesen jana kuasa berada dalam keadaan terkawal. Kami akan terus memberikan maklumat terkini apabila terdapat perkembangan baru," katanya.